

MARIA & MARTA:

*Menyeimbangkan
Keutamaan Hidup*

KANDUNGAN

MARIA & MARTA:
Bagaimana Hidup Dengan
Jayanya Dalam Dua Dunia
..... 2

MARTA & MARIA:
Bagaimana Menguatkan
Pengharapan Pada Masa
Kehilangan..... 19

Alice Matthews menggunakan pengalaman hidup dan hatinya untuk membawa pandangan yang baru terhadap Firman Tuhan. Dia pernah menjadi mubaligh, isteri pastor, ibu, dan nenek. Kini, dengan gelaran doktor, dia menjadi Profesor yang berkedudukan di Seminari Gordon-Conwell.

Hanya wanita yang sibuk boleh memahami hati Marta, seorang wanita yang melakukan terlalu banyak kerja dalam Perjanjian Baru. Hanya wanita yang suka berfikir serta gemar belajar dekat kaki Tuhannya, dapat memahami hati Maria, saudara Marta.

Saya percaya bahawa Alice ialah wanita yang sedemikian rupa. Dia mengongsikan pengertiannya yang mendalam mengenai Maria dan Marta dalam halaman-halaman berikut.

Martin R. De Haan II

Penterjemah: Stemmah Sariau

Editor: Stemmah Sariau, Lydia Ng

Petikan Alkitab daripada Alkitab Berita Baik, © 1996 Bible Society of Malaysia.

Hak Cipta Terpelihara. © 2007 RBC Ministries, Grand Rapids, Michigan. Dicitak di Malaysia.

Buku Asli: MARY & MARTHA-Balancing Life's Priorities

Lukisan Kulit: Johannes Vermeer (1632-1675)

MARIA & MARTA: **Bagaimana Hidup** **Dengan Jayanya** **Dalam Dua Dunia**

Apabila saya masuk darjah lima, saya mula belajar mata pelajaran yang disebut “sains rumah tangga” pada masa itu. Sewaktu saya berada di sekolah menengah, nama mata pelajaran itu sudah berubah menjadi “ekonomi rumah tangga.” Saya difahamkan bahawa kini katalog kursus di univervisiti menamakannya “ekologi manusia.” Apapun namanya, ia sama sahaja: satu semester memasak, satu semester menjahit, satu semester memasak, satu semester menjahit. Mungkin anda pun pernah berada dalam kursus yang sama.

Saya tidak pasti yang mana saya paling benci—memasak atau

menjahit. Ketika berumur 10 tahun, saya tidak dapat memisahkan telur dengan kemas ataupun menjahit kelim lurus dengan baik. Dalam ingatan saya, sering kali saya tidak suka dengan masa-masa di dalam bilik sains rumah tangga.

Kami belajar menjahit dengan menggunakan mesin jahit kaki. Pada masa itu tiada peralatan elektrik yang canggih. Baru-baru ini, apabila saya berhenti di satu kedai kain untuk membeli contoh kain, sepintas lalu saya melihat pada satu deretan mesin jahit moden yang dipamerkan—mesin elektronik berkomputer yang melakukan mukjizat! Sementara saya berdiri di sana untuk menatap teknologi yang digunakan oleh tukang jahit, saya juga melihat satu benda yang hampir tidak berubah sejak saya mula-mula diperkenalkan kepada sains rumah tangga 50 tahun

yang lalu. Di bahagian depan mesin jahit, di atas jarum, terletak dail yang menyesuaikan ketegangan benang semasa mesin menjahit.

Untuk menghasilkan jahitan kelim yang kuat dan rata, benang dari gelendong di atas dan benang dari gelendong di bawah mesti bercantum dengan lancar dan kuat di dalam kain. Seorang tukang jahit yang berpengalaman memeriksa ketegangan benang dan membuat penyesuaian yang tepat ketika memusingkan dail kerana dia faham bahawa ketegangan yang betul itu sangat penting.

Kadang-kadang, sementara saya menjahit, saya terkena dail itu. Lalu saya mendengar bunyi klik-klik yang menandakan bahawa saya telah merosakkan keseimbangan benang di atas dan benang di bawah. Saya tahu bahawa tiada kelim akan dijahit

kuat dan berguna sebelum saya membuat penyesuaian yang tepat pada ketegangan benang. Segala perkara lain harus berhenti sehinggalah saya berpuas hati bahawa benang-benang bercantum dengan betul.

Sementara saya membaca Lukas 10.38-42 baru-baru ini, saya memikirkan dail ketegangan di mesin jahit saya. Lukas menulis tentang satu jamuan yang diadakan di Betania:

Kemudian Yesus dan pengikut-pengikut-Nya meneruskan perjalanan, lalu tiba di sebuah pekan. Di situ seorang wanita bernama Marta menjemput Yesus ke rumahnya. Marta mempunyai seorang saudara perempuan bernama Maria. Maria duduk dekat kaki Tuhan untuk mendengarkan ajaran-Nya. Tetapi Marta gelisah kerana banyak kerja yang harus

dilakukannya. Marta menghampiri Yesus dan berkata, “Ya Tuhan, tidakkah Tuhan peduli bahawa Maria membiarkan aku sibuk seorang diri? Suruhlah dia tolong aku!”

Tuhan menjawab, “Marta, Marta! Kamu sibuk serta kawatir akan banyak perkara, tetapi hanya satu yang mustahak! Maria sudah memilih perkara baik, yang tidak akan diambil daripadanya.”

Demikianlah peristiwa itu: Hari yang panas di penghujung musim hujan ketika musim panas baru bermula. Ada sebuah kampung yang kelihatannya keputih-putihan di lereng bukit, yang hanya 2 batu jauhnya dari Yerusalem. Di situlah rumah Marta, yang kemungkinan sekali seorang balu yang kaya, dan yang telah membawa adik perempuannya, Maria, dan

adik lelakinya, Lazarus, untuk tinggal bersama-sama.

Dia menyambut Yesus dan para pengikut-Nya di rumahnya di Betania. Dia bergegas untuk menyediakan tempat duduk yang selesa bagi Yesus, lalu membawa minuman sejuk kepada setiap tetamunya. Dia mengangguk kepada Maria yang memenuhi besen dengan air, yang terletak dekat pintu. Kemudian dia mengambil tuala dan mula membasuh kaki setiap tetamunya. Para pengikut Yesus duduk di dalam bilik yang besar, sambil berbual-bual tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam beberapa hari kebelakangan. Orang kampung mula berkerumun di pintu rumah, dan teringin sekali masuk untuk mendengarkan Yesus, guru agung itu.

Lawatan ini bukanlah kali pertama bagi-Nya di

Betania. Penduduk pekan sudah mendengar beberapa cerita yang mengagumkan mengenai Dia pada masa lalu. Kemungkinan Dia akan memberitahu mereka lebih banyak lagi. Beberapa orang berhimpit-himpit dan duduk di belakang para pengikut Yesus. Kemungkinan sekali Marta dan Maria duduk dekat kaki Yesus untuk belajar daripada-Nya. (Dalam terjemahan NKJV, Lukas 10.39 menyatakan bahawa Maria *juga* duduk dekat kaki Yesus.)

Saya tidak tahu berapa lama Marta duduk di sana untuk mendengar ajaran Tuhan Yesus. Tetapi saya merasa bahawa jika dia ada persamaan dengan saya, dia duduk di sana pada hari itu dengan fikiran yang terbahagi. Lagipun, di sana ada 13 orang lelaki yang mungkin sekali lapar dan perlu diberi makan. Apakah yang sedia ada untuk diberi kepada mereka? Berapa

lama untuk menyediakan semua yang perlu? Perlukah dia pergi ke kedai untuk membeli gandum atau buah-buahan?

Saya memahami perasaan Marta. Saya tahu betul apa yang sedang dibuatnya sementara dia duduk di sana. Pertama, dia memikirkan senarai barang makan yang ada di dalam almari dapur. Dia merancang menu supaya tidak tertinggal apa-apa makanan. Lalu dia membuat senarai dalam fikirannya tentang tugas-tugas yang perlu dibuat. Selepas dia memikirkan semua itu, dia melihat-lihat di rumah itu untuk mencari tempat keluar yang baik dengan melintasi orang ramai, dari tempat duduknya ke dapur. Selepas dia mengatur jalan keluar, dia tidak boleh duduk lagi. Dia harus bekerja! Lagipun, dia tuan rumah. Memang pun tanggungjawabnya untuk memenuhi keperluan para

tetamunya. Tiada sesiapa akan memandang rendah pada Lazarus atau Maria sekiranya makanan tidak sesuai. Kesalahan terletak pada bahu Marta. Oleh itu, tiada masa untuk duduk dan mendengar Yesus pada masa ini—mungkin hanya selepas semua kerja sudah dibuat.

Sebaik saja berada di dapur, dia merasakan kehairahan yang biasanya dirasakan oleh kebanyakan kita apabila mula melakukan sesuatu yang istimewa untuk seseorang yang kita benar-benar perhatikan. Kita mahu semuanya sempurna—sekurang-kurangnya sesempurna yang mungkin. Kasih memberi kita semangat. Kita dikuatkan oleh peluang yang ada untuk menunjukkan kasih kita kepada seseorang yang istimewa.

Dapatkah anda melihat Marta, yang kini di dalam ruangan dapurnya, dan menjadi sangat sibuk? Mula-

mula, sediakan kacang buncis dan kacang dal yang dimasak dengan bawang merah dan bawang putih. Kemudian sediakan daging kambing biri-biri untuk dipanggang. Lalu tumbuk gandum dan mengadun roti untuk dibakar. Seterusnya, sediakan buah ara dan buah badam. Ambil air untuk dicampurkan dengan wain. Sediakan meja. Gaulkan kacang buncis dan kacang dal. Terbalikkan daging kambing biri-biri yang sedang dipanggang. Mula membakar roti.

Dengan sepintas lalu dia memandang ke arah matahari di langit. Tiba-tiba Marta menyedari bahawa tidak lama lagi sampailah masa makan, tetapi dia belum selesai menyediakan makanan. Mungkin dia merasa seperti saya apabila saya terbawa-bawa oleh kehairahan, tetapi akhirnya menyedari bahawa masa tiada lagi dan saya tidak

dapat menyiapkan semua yang telah dirancang. Apabila keadaan seperti itu berlaku, saya menjadi marah—marah dengan diri sendiri dan marah dengan siapa sahaja yang mungkin dapat membantu untuk mencapai rancangan saya.

Saya mengandaikan bahawa begitulah yang berlaku dengan Marta. Tiba-tiba rancangan dan tugas yang dimulakan dengan penuh sukacita menjadi hambar. Lukas memberitahu kita dalam ayat 40 bahawa dia menjadi gelisah kerana semua persiapan yang dilakukannya. Semakin dia bekerja keras, semakin dia menjadi gelisah.

Ini kesalahan Maria. Sekiranya Maria datang untuk membantu dia, keadaannya akan berlainan.

Kita semua mengenal perasaan itu, bukan? Keadaannya sudah cukup buruk kalau

***Semakin Marta
bekerja keras,
semakin dia
menjadi gelisah.***

harus melakukan segala sesuatu. Lebih buruk lagi apabila seseorang yang kita fikir patut menolong kita memikul beban, mengecewakan kita pula. Kejengkelan kita terhadap segala ketidakadilan itu memuncak sehingga meledak.

Itulah yang berlaku dengan Marta. Di dalam ayat 40, akhirnya dia meletup:

*Ya Tuhan, tidakkah
Tuhan peduli bahawa
Maria membiarkan
aku sibuk seorang diri?
Suruhlah dia tolong aku!*

Menarik, bukan, kerana Marta menyuarakan kejengkelannya kepada Yesus, bukan kepada

Maria. Kemungkinan dia sudah mencoba untuk menarik perhatian Maria dan memberikan isyarat kepadanya untuk berdiri dan datang untuk membantunya, tetapi dia tidak berjaya. Ataupun dia sudah menyinggung Maria, tetapi dia tidak menghiraukan, dan terus mendengarkan Yesus.

Kita semua mempunyai cara untuk menyampaikan mesej. Kita batuk kecil. Kita memukul-mukul jari pada meja. Kita membuat gerakan yang menarik perhatian. Kita merasa lebih jengkel jika orang lain tidak mempedulikan kita!

Semua itu sudah berlaku, lalu Marta bercakap langsung kepada Yesus, dan menuduh-Nya tidak mempedulikan dia. Marta pasti bahawa sekiranya Yesus mempedulikan dia, Yesus akan menyuruh Maria untuk berdiri dan pergi membantu dia.

Saya tertarik dengan cara

Marta mengaitkan perhatian Yesus terhadapnya dengan kerelaan-Nya untuk menyuruh Maria bekerja. Marta berfikir bahawa dia tahu tepat bagaimana Yesus seharusnya menunjukkan bahawa Dia peduli—dengan meringankan bebannya.

Itulah yang dilakukannya, meskipun bukan dengan cara yang diharapkan oleh Marta. Melalui tindak balas Yesus, kita belajar banyak tentang latihan kita sebagai wanita Kristian dalam permuridan:

Marta, Marta! Kamu sibuk serta khuatir akan banyak perkara, tetapi hanya satu yang mustahak! Maria sudah memilih perkara baik, yang tidak akan diambil daripadanya.

(Lk.10:41-42)

Masalahnya bukan pada kerja yang dibuat oleh Marta. Sikapnya yang merungut dan khuatir itulah yang menyebabkan keadaan

menjadi buruk. Yesus tahu bahawa Marta terlalu mementingkan hal-hal yang tidak begitu penting. Masalah Marta adalah keseimbangan, untuk menangani kehidupan menurut ketegangan yang wajar. Perhatikan dengan lebih teliti lagi apa yang dikatakan Yesus dan yang tidak dikatakan-Nya kepada wanita yang memikul beban yang terlalu berat baginya.

***Masalah
Marta adalah
keseimbangan,
untuk menangani
kehidupan menurut
ketegangan yang
wajar.***

Pertama, Yesus tidak menegur dia kerana membuat persiapan bagi Dia dan para pengikut-Nya. Jika sebagai tuan rumah, dia

mengambil keputusan untuk tidak membuat persiapan makanan, maka para tetamunya akan kelaparan. Apa yang berlaku di dalam dapur di Betania itu penting.

Adakah anda ingat apa yang dikatakan Yesus kepada Iblis ketika Dia dicubai di tanah gurun, sebaik saja Dia memulakan pelayanan-Nya di khalayak ramai? Di dalam Matius 4.4 kita membaca, “Manusia tidak dapat hidup dengan roti sahaja.” Yesus tidak berkata, “Manusia tidak dapat hidup dengan roti.” Kita memang hidup dengan roti. Kita mempunyai tubuh yang harus diberi makanan. Yesus mengetahui hakikat ini dan Dia memberi makan kepada orang—seramai 5,000 orang pada satu masa.

Tetapi Yesus juga tahu bahawa manusia bukan terdiri daripada tubuh semata-mata. Kita tidak hidup dengan roti sahaja. Memberi makan kepada roh kita, sekurang-kurangnya

sama penting dengan memberi makan kepada tubuh kita. Masalah Marta bukan kerana dia menyediakan makanan untuk para tamunya. Kerja itu perlu, dan dalam peranannya sebagai tuan rumah, memang tugasnya untuk memastikan agar persiapan ini dilaksanakan. Tetapi dia terlalu mengutamakan. Dia tidak menyediakan makanan sederhana, melainkan dia cuba menunjuk-nunjuk dengan jamuan yang beraneka jenis masakan. Kata-kata terpenting Yesus kepadanya adalah satu jenis masakan pun seharusnya sudah cukup.

Kita semua mempunyai tanggungjawab yang kita pikul setiap hari dalam kehidupan kita. Kita pergi ke pejabat. Kita memasak. Kita menanda kertas peperiksaan. Kita membersihkan rumah. Kita membasuh kain. Kita melakukan semua itu, dan

kita mahu membuatnya dengan baik. Dorothy Sayers mengingatkan kita bahawa tiada kedai tukang kayu di Nazaret membuat kaki meja yang bengkok. Tuhan tidak dihormati oleh pekerjaan yang tidak baik atau oleh sikap lalai terhadap tugas kita dalam kehidupan.

Tetapi kita mesti pastikan agar apa-apa yang perlu dibuat tidak menjadi terlalu besar dan merosakkan kehidupan kita. Dengan mudah kita mencampurbaurkan cara dan tujuan. Tanpa berfikir, kita menjadikan perkara yang seharusnya menjadi cara untuk hidup bagi Tuhan menjadi tujuannya pula. Apabila kita mengambil sesuatu yang tidak terlalu penting dan menjadikannya yang amat penting dalam kehidupan kita, maka apa yang dahulunya tidak berbahaya, kini pula menjadi batu sandungan bagi kita.

***Kita mesti pastikan
agar apa-apa yang
perlu dibuat tidak
menjadi terlalu besar
dan merosakkan
kehidupan kita.***

Salah satu perkara yang dilihat oleh Yesus pada petang itu, 2,000 tahun yang lalu, adalah Marta memandang rendah kepada pilihan Maria. Marta memaksakan sistem nilainya sendiri—kemungkinan berbentuk rumah yang bersih sampai berkilat dan makanan yang banyak—pada Maria. Jika menjadi sibuk itu “perlu” bagi Marta, maka ia mesti perlu juga bagi Maria.

Perhatikanlah; Yesus tidak memberitahu Marta untuk melakukan apa yang dibuat oleh Maria. Pada masa yang sama, Dia menunjukkan bahawa Maria sudah memilih bahagian yang

lebih baik. Semasa berkata demikian, Yesus membuat sedikit permainan kata yang tidak kelihatan dalam terjemahan Bahasa Malaysia. Kata-kata penting-Nya adalah, “Marta, kamu menyediakan banyak jenis masakan untuk kami makan, tetapi Maria sudah menyediakan satu jenis masakan yang kamu tak dapat sediakan di dapurmu.” Sungguhpun makanan itu perlu, sesuatu yang lebih sederhana adalah lebih baik, yang membolehkan Marta untuk terus duduk bersama dengan Maria dan belajar daripada Kristus.

Adakah anda berfikir bahawa Yesus agak keras terhadap Marta? Lagipun, sebenarnya dia melakukan semua tugas itu untuk menyenangkan hati Yesus! Namun, adakah anda berfikir bahawa Dia suka dengan permohonannya untuk menyuruh Maria berdiri dan membantu dia? Adakah anda

fikir Maria suka dipermalu seperti itu? Adakah anda fikir para pengikut dan jiran-jiran suka Guru itu diganggu seperti itu? Dan bagaimana pula dengan Marta sendiri? Adakah anda fikir dia suka dengan dirinya sendiri? Kita tahu jika kita sudah merosakkan keadaan untuk diri sendiri dan orang lain di sekeliling kita. Dan memang pun Marta sudah merosakkan keadaan!

Sementara menggambarkan suasana ini dalam fikiran anda, apakah imej Marta yang terlintas? Elisabeth Moltmann-Wendel berseru bahawa bila saja dia ingat akan Marta, dia teringat suatu gambar daripada satu Alkitab kanak-kanak. Gambar itu menunjukkan Maria sedang duduk dekat kaki Yesus dan mendengarkan Dia, dan Marta pula di bahagian belakang, sedang bersandar pada pintu dapur dengan pandangan yang jahat dan

tidak percaya.

Apabila kita memikirkan dua orang adik-beradik ini, kita cenderung menggambarkan Maria dengan cahaya kekudusan di sekelilingnya, dan kita menyamakan Marta dengan minyak zaitun dan ikan.

Apabila seseorang berkata, “Dia jenis Marta,” kita tahu betul apa maksudnya. Seseorang yang pentingkan tindakan, cekap, berfikiran wajar dan amali. Jenis Marta pasti sangat berguna dan perlu. Gereja pasti susah sekiranya kita semua menjadi jenis Maria. Tetapi apabila tiba masanya untuk melukis satu model atau idaman, maka jenis Maria juga yang ditonjolkan. Keadaan itu membuat kita serba salah, jika kita memikirkan hal itu. Pekerjaan Marta itu perlu—di dalam gereja dan di rumah. Tetapi Maria pula yang mendapat lingkaran cahaya

kekudusan.

Marta, yang dipanggil santo pelindung para suri rumah dan tukang masak, menerima tentangan yang agak kuat. Martin Luther menulis, “Marta, pekerjaanmu hendaklah dihukum dan dianggap tidak bernilai. ... Saya tidak mahu pekerjaan lain kecuali pekerjaan Maria.”

Kata-kata yang keras! Oleh itu, saya merasa agak takut menjadi seperti Marta. Tetapi Martin Luther silap. Pekerjaan Marta tidak boleh dihukum ataupun dianggap tidak bernilai. Sikap Marta

***Pekerjaan Maria
itu perlu—di dalam
gereja dan di rumah.
Tetapi Maria pula
yang mendapat
lingkaran cahaya
kekudusan.***

memang perlu diperbaiki. Sudut pandangan Marta pun perlu diubah. Tetapi pekerjaan Marta itu baik dan perlu. Kenyataannya, sebagai pengikut Yesus Kristus, kita perlu mengembangkan Marta dan Maria dalam diri kita masing-masing.

***Sebagai pengikut
Yesus Kristus,
kita perlu
mengembangkan
Marta dan Maria
dalam diri kita
masing-masing.***

Di bahagian awal dalam Lukas 10, kita membaca kisah seorang guru Taurat yang cuba memerangkap Yesus dengan menyoal-Nya apa yang harus dilakukan untuk mendapat hidup yang kekal. Yesus mengajukan soalan tersebut kepada guru Taurat itu dengan menyoal

dia secara sederhana, “Apakah yang tertulis di dalam Alkitab? Bagaimana tafsiranmu?” Guru Taurat itu menjawab dengan dua kenyataan agung yang dipetik daripada Ulangan 6.5 dan Imamat 19.18—kita harus mengasihi Tuhan, Allah kita dengan segenap hati, dengan segenap jiwa, dengan segenap kekuatan, dan dengan seluruh akal, dan mengasihi sesama manusia seperti diri kita sendiri.

Jawapan guru Taurat itu tepat sekali. Yesus bersetuju dan berkata, “Jawapanmu itu benar. Buatlah demikian, dan kamu akan mendapat hidup sejati dan kekal.”

Guru Taurat itu sebenarnya boleh berhenti di situ sahaja, tetapi dia tidak. Dia bertanya lagi kepada Yesus: “Siapakah sesama saya?” Untuk menjawab soalan itu, Yesus menceritakan satu kisah

yang membuat kita terkejut.

Ceritanya adalah tentang seorang lelaki yang berangkat dari Yerusalem dan menuju ke Yerikho, dengan mengikut jalan gunung yang berdebu. Beberapa orang perompak menyerang dia, menanggalkan pakaiannya, memukul dia, dan meninggalkan dia dalam keadaan setengah mati. Mula-mula, seorang imam datang. Kemungkinan dia baru saja menyelesaikan giliran tugasnya selama satu minggu di Yerusalem, dan dalam perjalanannya pulang ke rumahnya selama satu tahun. Dia nampak lelaki yang malang itu tetapi dia meneruskan perjalanan untuk mengelak daripada menyentuhnya. Kemudian satu orang Lewi datang. Orang Lewi dalam abad pertama Israel adalah imam yang kedudukannya lebih rendah, yang menyanyi semasa korban dipersembahkan dan

melayani sebagai penjaga pintu dan pembantu kepada imam yang kedudukannya lebih tinggi. Orang Lewi, sama seperti imam, sepintas lalu melihat orang yang cedera itu, dan berjalan terus di seberang jalan.

Orang ketiga yang datang adalah orang Samaria, yang dihina oleh orang Yahudi. Anda harus tahu betapa bencinya orang Yahudi kepada orang Samaria untuk memahami betapa kejutnya mereka terhadap cerita ini, apabila Yesus berkata seorang Samaria datang. Orang asing yang dihina itu melihat lelaki tersebut, dan dia tidak berbuat seperti apa yang dilakukan oleh orang Yahudi yang beragama itu, melainkan orang Samaria itu berhenti. Lalu dia membersihkan dan mengubati serta membalut luka-luka lelaki malang itu, menaikkan dia di atas keldai, dan membawanya ke satu rumah tumpangan supaya

dia dapat merawatnya. Bahkan orang Samaria itu membayar tuan rumah tumpangan tersebut agar dia terus merawat lelaki itu sementara orang Samaria itu meneruskan perjalanan.

Apakah kemuncak cerita itu? Apabila Yesus selesai menceritakan kisah itu, Dia bertanya kepada guru Taurat, siapa yang difikirkannya yang menjadi sesama kepada lelaki yang cedera. Tentu sekali, guru Taurat itu harus berkata, "Orang yang menunjukkan belas kasihan kepadanya" (ay. 37). Lalu Yesus menjawab, "Pergilah dan berbuatlah demikian!"

Bukankah perkara itu yang dibuat oleh Marta? Tidakkah dia menyusahkan dirinya untuk berbuat baik kepada Yesus dan para pengikut-Nya? Bukankah dia memenuhi keperluan orang lain? Memang pun! Bukankah dia menjadi "orang Samaria yang baik hati" sementara Maria tidak

mengendahkan keperluan jasmani tetamu mereka, seperti mana yang dibuat oleh dua orang Yahudi yang beragama, yang tidak mempedulikan lelaki yang dipukul dan dirompak itu?

Perhatikan sekali lagi jawapan guru Taurat pada abad pertama, yang dipuji oleh Yesus: Kita harus mengasihi Tuhan, Allah kita dengan segenap hati, dengan segenap jiwa, dengan segala kekuatan, dan dengan seluruh akal, dan mengasihi sesama manusia seperti diri kita sendiri.

Perhatikan urutan dua pihak yang dikasihi: Pertama Tuhan, kemudian sesama. Bukan urutan yang sebaliknya. Ini bukan soal membandingkan hidup yang suka pada kegiatan dan hidup yang suka merenung. Ini soal keutamaan. Kita menempatkan pendengaran dan pembelajaran Firman Tuhan lebih dahulu daripada pelayanan. Itulah yang

melengkapi dan mengilhami kita untuk melayani Tuhan dan orang lain.

Apa yang dikehendaki oleh Yesus pada hari itu bukan kacang dal dan daging biri-biri, melainkan Marta sendiri. Satu masakan yang tidak dapat disediakannya di dalam dapur adalah perhubungannya dengan Tuhan. Dia hanya dapat menyediakan masakan itu jika dia tetap dekat kaki Yesus dan membiarkan Dia menyediakan makanan untuk jiwanya.

Ini bukan soal membandingkan hidup yang suka pada kegiatan dengan hidup yang suka merenung. Ini soal keutamaan.

Marta mahu agar Yesus meringankan bebannya pada

hari itu. Dia berbuat seperti itu, tetapi bukan dengan cara yang difikirkannya. Yesus tahu bahawa perhubungan kita dengan Tuhan tidak berkembang di tengah-tengah kesibukan dan rungutan. Satu-satunya yang diperlukan adalah mendengarkan Tuhan berfirman kepada kita. Maria memilih untuk memberikan masa kepada perhubungan yang penting dan tidak dipesongkan oleh hal-hal yang tidak penting.

“Marta mesti menjadi Maria,” seorang penafsir terangkan dalam tulisannya, “dan Maria yang sejati mesti juga menjadi Marta; kedua-duanya adik-beradik.” Kenyataan itu membawa saya kembali kepada ketegangan dail mesin jahit. Jika ketegangan pada benang di atas itu terlalu longgar, maka bahagian bawah kain itu akan dipenuhi oleh benang lebihan. Lipatan kelim tidak kuat. Ia terurai

dengan mudah apabila ditarik sedikit. Satu-satunya yang boleh dibuat oleh tukang jahit adalah menarik keluar semua benang, menyesuaikan ketegangan, dan mulai sekali lagi.

Kita juga tidak mempunyai kelim yang berguna jika benang tidak bercantum dari kedua-dua gelendong di atas dan gelendong benang di bawah. Mungkin kita boleh cuba menjahit sepanjang hari dengan hanya gelendong benang di atas pada mesin dan tiada benang diletakkan pada gelendong di bawah. Kita tidak akan mendapat satu pun jahitan yang baik. Benang Marta dan benang Maria mesti berjalan dan bercantum jika kita ingin menghasilkan jahitan. Keseimbangan di antara kedua-duanya harus disesuaikan dengan teliti jika inginkan jahitan yang kuat dan berguna.

Kita hidup di dunia ini.

Ertinya, kita memikirkan hal makanan dan pakaian, rumah dan keluarga, serta kerja dan pelajaran. Tetapi kita juga hidup di dalam alam roh. Kita memikirkan perhubungan kita dengan Tuhan. Itulah masalah Marta. Dia menjahit tanpa benang di gelendong bawah.

Untuk menjadikan pelayanan kita betul, maka keutamaan kita mesti betul. Kita membiarkan Yesus melayani kita sebelum kita keluar untuk melayani Dia. Itulah peraturan Tuhan: Pertama, kita harus mengasihi Tuhan, Allah kita dengan segenap hati, jiwa, kekuatan, dan akal. Selepas itu, barulah kita bersedia untuk keluar dan mengasihi sesama kita seperti diri kita sendiri. Jika kita menterbalikkan urutan itu, akibatnya, kita akan merasa bekerja terlalu keras tetapi tidak dihargai. Jika kita meletakkan keutamaan kita

Apabila kita mempunyai keutamaan yang betul, Tuhan akan memampukan kita melakukan apa yang perlu dibuat—dengan sukacita dan kepuasan hati.

sesuai dengan keutamaan Tuhan, kita akan mendapati bahawa Tuhan memampukan kita untuk melakukan apa yang perlu dibuat—dengan sukacita dan kepuasan hati.

MARTA & MARIA: Bagaimana Menguatkan Pengharapan Pada Masa Kehilangan

Apabila suami saya menyelesaikan pelajarannya di Seminari Denver pada 1956, kami berpindah ke tempat pelayanan penggembalaannya yang pertama, di suatu pekan kecil di Wyoming tengah. Sementara kami mulai mengenal para pemimpin gereja, secara khusus kami mulai menghargai sepasang suami isteri yang lebih tua. Gene, seorang tukang kayu yang sudah bersara, datang ke gereja pada setiap pagi untuk membantu membina satu bilik tambahan kepada bahagian pendidikan gereja. Mae pun singgah hampir sesering Gene. Kami kagum melihat penyerahan mereka yang tidak mengenal lelah, kepada Yesus Kristus

dan kepada jemaah-Nya, sementara mereka menjalani hidup di hadapan kami setiap hari.

Kira-kira 6 bulan selepas kami datang, satu panggilan telefon menyampaikan berita bahawa anak lelaki tunggal mereka, Don, telah terbunuh dalam satu kemalangan di lombong terbuka. Kami bergegas ke sebelah pekan untuk bersama-sama Gene dan Mae, yang kami tahu sedang dilanda dengan rasa terkejut dan tidak percaya. Masa itu sangat menyakitkan apabila mereka mengalami kesedihan tersebut. Tetapi kami yakin mereka akan melaluinya dengan baik. Segala sumber Kristian tersedia untuk menyokong mereka pada masa krisis ini. Teman-teman lain datang, dan kami yakin bahawa seluruh masyarakat akan mengelilingi mereka dengan kasih dan keprihatinan, termasuk menantu perempuan mereka, dan dua

orang cucu lelaki.

Beberapa hari selepas pengebumian, Gene kembali kepada kerja sukarelawanannya di bangunan gereja. Tetapi pada hari Ahad, dia seorang saja yang datang ke kebaktian. Apabila kami singgah di rumah mereka, kami merasa bahawa Gene mendapat kekuatan untuk menanggung kesedihannya, tetapi keadaan Mae berbeza.

Apabila kami bertanya tentang hal ini, kami diberitahu bahawa sejak kemalangan itu, Mae membelakangi Tuhan. Bagaimana mungkin dia percaya kepada Tuhan yang tidak menyelamatkan anak tunggal mereka dan yang membiarkan cucu-cucu mereka tidak mempunyai ayah? Tuhan tidak mungkin mengasihi dan baik hati, jika pada masa yang sama Dia membiarkan mereka terkena tamparan yang dahsyat. Bila saja kami melawat Mae, kami

mendengarkan kesnya yang menentang Tuhan. Fakta iman dan fakta hidupnya jelas tidak bercantum. Iman yang kami fikir boleh menguatkan dia kelihatannya menjadi gangguan pula.

Mae mengingatkan saya dengan dua orang wanita yang meminta Yesus datang ketika saudara lelaki mereka sakit tenat. Tetapi Yesus tidak sempat sampai untuk menolong mereka. Apabila Dia akhirnya tiba, kedua-dua wanita itu berkata kepada-Nya, "Ya Tuhan, jika Tuhan di sini pada masa itu, tentu saudaraku masih hidup!" Perempuan adik-beradik itu mempunyai cukup iman untuk percaya bahawa sekiranya Yesus datang lebih awal, tentu Dia dapat menyembuhkan saudara mereka. Tetapi nampaknya Yesus seolah-olah sudah mengecewakan mereka.

Cerita ini terdapat dalam Yohanes 11. Enam ayat pertama memberitahu kita

kisahnyanya:

Seorang lelaki bernama Lazarus sakit. Dia tinggal di Betania bersama-sama dua orang saudaranya yang bernama Maria dan Marta. (Marialah yang menuangi kaki Tuhan dengan minyak wangi, lalu menyapunya dengan rambutnya. Lazarus yang sakit itu saudaranya.) Kedua-dua orang saudara ini mengirim khabar kepada Yesus, "Tuhan, sahabat yang Tuhan kasihan itu sakit."

Apabila Yesus mendengar khabar itu, Dia berkata, "Penyakit ini tidak akan menyebabkan kematian Lazarus; hal ini berlaku untuk memuliakan Allah. Melalui hal ini Anak Allah akan dimuliakan."

Yesus mengasihani Maria, Marta, dan Lazarus. Tetapi ketika Yesus menerima khabar

bahawa Lazarus sakit, Dia sengaja tinggal di tempat itu dua hari lagi. Itulah latar belakangnya.

Lazarus sakit. Oleh itu, kedua-dua saudara perempuannya, Maria dan Marta, dengan serta-merta berhubung dengan Yesus, sahabat mereka, dengan harapan bahawa Dia akan datang secepat mungkin dan menyembuhkan saudara mereka, sebelum terlambat.

Kita tahu bahawa Yesus mengasihani tiga orang adik-beradik itu, dan kita mengharapkan Dia untuk pergi ke Betania dengan serta-merta agar mereka tidak terlalu khuatir dan sedih. Namun kita melihat bahawa Yesus tidak bertindak menurut cara yang diharapkan oleh dua orang adik-beradik tersebut. Dia tidak berangkat ke Betania dengan serta-merta, melainkan dia tinggal di tempat Dia berada selama dua hari lagi.

Satu prinsip yang penting dalam hidup adalah kasih mengizinkan kesakitan. Kita tidak mahu hal itu berlaku sedemikian. Kita mahu percaya bahawa jika Tuhan benar-benar mengasihi kita, maka Dia tidak akan mengizinkan apa pun kesakitan untuk menceroboh hidup kita. Tetapi bukan seperti itu. Kasih Tuhan tidak menjamin bahawa kita dilindungi daripada pengalaman yang sukar, yang perlu bagi pertumbuhan rohani kita. Kasih dan penundaan boleh bercantum.

***Kasih Tuhan
tidak menjamin
bahawa kita
dilindungi daripada
pengalaman yang
sukar, yang perlu
bagi pertumbuhan
rohani kita.***

Jika Yesus telah bergegas ke Betania sebaik saja menerima berita tentang Lazarus yang sakit, maka Maria dan Marta tidak akan melalui keadaan terapung-apung di antara pengharapan dan ketakutan—pengharapan bahawa Peribadi yang dapat menolong saudara mereka akan sempat tiba, dan ketakutan terhadap kemungkinannya Dia datang lambat. Dengan itu, mereka tidak perlu melalui kesedihan melihat Lazarus semakin tenat sehingga meninggal. Mereka dapat mengelakkan kesedihan pada saat-saat akhir sebelum mereka menutup mata Lazarus dan mempersiapkan jenazahnya untuk dikebumikan. Mereka dapat menghadapi kesedihan kerana kehilangan saudara. Tetapi Yesus tidak datang.

Dia tahu bahawa sudah sampai masanya bagi Maria, Marta, dan para pengikut-Nya untuk belajar sesuatu yang tidak dapat dipelajari

sekiranya Dia terlalu cepat campur tangan. Yohanes 11 memberitahu kita bagaimana Yesus berkuasa penuh atas keadaan yang berlaku. Dia tahu apa yang dilakukannya. Dia tahu bahawa pertumbuhan rohani Marta, Maria dan kumpulan pengikut-Nya yang berjalan bersama-sama Dia, bergantung pada masa yang tepat. Bagaimana kita tahu hal itu? Bacalah Yohanes 11.7-16.

Kemudian Yesus berkata kepada pengikut-pengikut-Nya, “Marilah kita balik ke Yudea.”

Pengikut-pengikut-Nya menjawab, “Guru, baru sahaja orang Yahudi di situ hendak merejam Guru, dan sekarang Guru mahu balik lagi ke sana?”

Yesus berkata, “Bukankah siang hari lamanya dua belas jam? Sesiapa yang berjalan pada siang hari, tidak akan tersandung, kerana

dia melihat cahaya bagi dunia ini. Tetapi jika orang itu berjalan pada malam hari, dia tersandung kerana tiada cahaya padanya.” Setelah berkata demikian, Yesus melanjutkan pula, “Sahabat kita Lazarus sudah tidur, tetapi Aku akan pergi membangunkan dia.”

Pengikut-pengikut Yesus berkata, “Guru, jika Lazarus tidur, dia akan sembuh.”

Sebenarnya inilah yang dimaksudkan Yesus: Lazarus sudah meninggal. Tetapi mereka menyangka bahawa Yesus berkata Lazarus benar-benar tidur. Oleh itu Yesus berkata kepada mereka dengan terus terang, “Lazarus sudah meninggal. Tetapi demi kebaikan kamu, Aku bersyukur kerana Aku tidak bersama-sama dia, supaya kamu boleh percaya kepada-Ku.

Marilah kita pergi kepada Lazarus.”

Tomas yang disebut Si Kembar berkata kepada sesama pengikut Yesus, “Marilah kita pergi dengan Guru, supaya kita mati bersama-sama-Nya!”

Masa Tuhan itu tepat. Yesus tahu bahawa Maria dan Marta tidak akan pernah mengenal Dia sebagai kebangkitan dan hidup jika Lazarus tidak meninggal. Daud tidak akan pernah mengenal Tuhan sebagai bukit batu dan kubu perlindungannya jika dia tidak diburu oleh Saul di pergunungan En Gedi. Orang Israel tidak akan mengenal Tuhan sebagai penyelamat jika mereka tidak menjadi hamba di Mesir. Pengalaman kita yang menyakitkan dapat menyatakan Tuhan kepada kita dalam cara-cara yang baru. Yesus tahu dengan tepat apa yang sedang

dilakukan-Nya.

Pengalaman kita yang menyakitkan dapat menyatakan Tuhan kepada kita dalam cara-cara yang baru.

Ketika Yesus sampai, Dia mendapati bahawa Lazarus sudah dikuburkan empat hari yang lalu. Ramai orang Yahudi dari Yerusalem telah datang ke Betania untuk menghiburkan Marta dan Maria atas pemergian saudara lelaki mereka. Simpati terhadap mereka adalah tanggungjawab yang paling utama. Tiada hal lain yang lebih penting daripada menyatakan kesedihan bersama dengan orang yang meratap.

Dalam iklim panas di Israel, jenazah harus dikubur segera selepas meninggal.

Kaum wanita meminyaki jenazah dengan ramuan dan minyak yang paling baik, kemudian membungkusnya dengan kain linen, dengan tangan dan kaki dibalut dan kepala dibungkus oleh tuala. Setiap orang yang dapat datang akan mengikut perarakan dari rumah ke kuburan. Yang anehnya, kaum wanita berjalan di depan kerana menurut guru-guru pada zaman itu, disebabkan dosa seorang perempuan di Taman Eden, dia bertanggungjawab terhadap kedatangan maut ke dunia.

Di kuburan, kawan-kawan memberikan ucapan peringatan. Kemudian orang yang meratap membentuk dua barisan panjang, dan anggota keluarga berjalan di antara dua barisan tersebut. Selagi jenazah masih di dalam rumah, keluarga di situ dilarang menyediakan makanan di sana, ataupun memakan daging atau minum

wain, atau belajar. Apabila jenazah dibawa keluar, semua perabot diterbalik dan orang yang meratap duduk di atas tanah atau di atas bangku yang rendah. Selepas kembali dari kuburan, mereka makan roti, telur rebus, dan kacang dal, yang melambangkan kehidupan yang sentiasa berguling-guling ke arah kematian.

Masa meratap yang parah berlangsung selama 7 hari, dan pada masa itu tiada seorang pun dibenarkan untuk menggunakan minyak, memakai kasut, melibatkan diri dalam pengajian atau perniagaan, atau membasuh sekalipun. Masa meratap yang ringan berlangsung selama 30 hari selepas seminggu masa meratap yang parah.

Di tengah-tengah masa meratap yang parah itulah Marta mendengar bahawa Yesus sedang masuk ke kampung. Marta melanggar adat Timur Tengah kerana

keluar untuk bertemu dengan Yesus, sementara Maria tinggal di rumah. Percakapan yang menakjubkan antara Marta dan Yesus ditulis dalam Yohanes 11.21-27.

Marta berkata kepada Yesus. “Ya Tuhan, jika Tuhan di sini pada masa itu, tentu saudaraku masih hidup! Sungguhpun demikian, aku tahu bahwa Allah akan mengabulkan apa sahaja yang Tuhan minta.”

Yesus berkata kepada Marta, “Saudaramu akan hidup kembali.”

Marta menjawab, “Aku tahu bahwa Lazarus akan hidup semula apabila orang mati dibangkitkan pada Hari Kiamat.”

Yesus berkata kepada Marta, “Akulah yang membangkitkan orang mati dan yang memberi hidup. Sesiapa yang percaya kepada-Ku

akan hidup, meskipun dia sudah mati. Orang yang hidup dan percaya kepada-Ku, tidak akan mati selama-lamanya. Adakah kamu percaya akan hal ini?”

“Ya Tuhan,” jawab Marta, “aku percaya bahawa Tuhan Anak Allah, Penyelamat yang diutus oleh Allah, dan yang dijanjikan untuk datang ke dunia ini.”

“Ya Tuhan, jika Tuhan di sini pada masa itu, tentu saudaraku masih hidup!” Dalam kenyataan Marta itu, dia menyuarakan keraguannya terhadap kuasa Yesus yang tidak terbatas. Sekiranya Dia ada di tempat itu, perkara itu tidak seharusnya berlaku. Tuhan harus hadir untuk menyembuhkan adik lelakinya. Bagaimanapun, keyakinannya secara umum pada Yesus menyerlah: “Sungguhpun demikian, aku tahu bahawa Allah akan

mengabulkan apa sahaja yang Tuhan minta.”

Yesus menjawab dia dengan membawa fikirannya kepada janji kebangkitan: “Saudaramu akan hidup kembali.” Marta kelihatannya tidak sabar apabila dia menjawab dengan cepat, “Aku tahu bahawa Lazarus akan hidup semula apabila orang mati dibangkitkan pada Hari Kiamat.”

Marta tahu kebenaran itu. Dia memang memahami doktrin tersebut. Sebenarnya, dia mempunyai asas rohani yang lebih kuat daripada orang Saduki, yang menafikan kebangkitan. Dalam kenyataannya, dia memberi kesaksian yang kuat terhadap iman bangsanya. Tetapi dia tidak mendapat penghiburan daripada sesuatu yang berlaku pada masa depan. Pada saat itu dia memerlukan sesuatu yang lebih cepat daripada peristiwa yang jauh di hadapan “apabila orang

mati dibangkitkan pada Hari Kiamat.” Doktrin itu tidak berapa menghiburkan dia pada masa dia bersedih.

Doktrin tentang kebangkitan tidak menghiburkan Marta semasa dia bersedih.

Yesus melihat hal itu dan mengubah pandangan Marta tentang kebangkitan sebagai peristiwa pada masa akan datang menjadi kenyataan pada masa sekarang: “Akulah yang membangkitkan orang mati dan yang memberi hidup.” Dengan kata-kata yang menakjubkan itu, Yesus mengubah fikiran Marta daripada suatu harapan yang kabur kepada fakta yang nyata pada masa ini. Bagaimana kita mendapat keyakinan itu? Yesus

memberitahu caranya dalam ayat 25: “Sesiapa yang percaya kepada-Ku akan hidup, meskipun dia sudah mati. Orang yang hidup dan percaya kepada-Ku, tidak akan mati selama-lamanya.”

Apabila kita percaya kepada Yesus Kristus, kita mendapat mutu kehidupan yang mengatasi maut. Kematian tidak menjadi pengakhiran kehidupan, melainkan pintu kepada kehidupan yang lebih besar. Orang menyebut dunia kita sebagai “dunia orang hidup.” Mungkin lebih baik kita menyebutnya “dunia orang yang hampir mati.” Kita mula mati sebaik saja kita dilahirkan, dan hidup kita merupakan pergerakan yang tidak boleh dihalang ke arah kematian. Tetapi orang yang sudah percaya kepada Yesus Kristus tahu bahawa apabila kematian datang, kita tidak *melalui* dunia orang hidup melainkan *masuk* ke dalam dunia orang hidup. Kita

bukan bergerak ke arah kematian. Kita bergerak ke arah kehidupan. Itulah ertinya dilahirkan semula. Itulah maknanya mendapat

Apabila kita percaya kepada Yesus Kristus, kita mendapat mutu kehidupan yang mengatasi maut.

kehidupan yang kekal. Itulah ertinya percaya kepada Yesus Kristus.

Bagaimana Yesus mengakhiri pernyataan-Nya kepada Marta? Dia bertanya, “Adakah kamu percaya akan hal ini?” Dengan pertanyaan itu, Dia membawa Marta kepada iman secara peribadi. Iman yang menuju kehidupan yang kekal tidak boleh berupa iman yang diwarisi daripada datuk nenek kita ataupun yang

kita peroleh apabila selalu bersama-sama pastor. Ia merupakan pengabdian peribadi yang setiap kita harus lakukan.

Marta memberikan jawapan yang amat mengagumkan kepada soalan Yesus (ayat 27): “Ya Tuhan,” jawab Marta, “aku percaya bahawa Tuhan Anak Allah, Penyelamat yang diutus oleh Allah, dan yang dijanjikan untuk datang ke dunia ini.” Bandingkan jawapan itu dengan pengakuan agung Petrus (Mat 16.16). Yesus telah bertanya kepadanya, “Tetapi menurut kamu, siapakah Aku ini?” Petrus menjawab, “Guru ialah Penyelamat yang diutus oleh Allah, Anak Allah Yang Hidup.” Yesus menjawab bahawa di atas pengakuan itulah, kebenaran, iaitu jemaah akan didirikan.

Marta memahami kebenaran yang sama. Dari manakah dia mempelajari hal itu? Adakah dia duduk

dekat kaki Yesus? Adakah dia mendengarkan Dia semasa Dia mengajar orang ramai? Jelaslah bahawa wanita ini, meskipun imannya tidak sempurna, telah menggenggam kebenaran yang utama, yang menjadi tapaknya untuk bertumbuh; Yesus ialah peribadi yang diutus oleh Tuhan.

Demikian juga untuk kita hari ini. Kebenaran yang diungkapkan Marta pada hari itu, di Betania 2,000 tahun yang lalu, telah menjadi asas kita datang kepada Peribadi yang menjadi kebangkitan dan pemberi hidup. Kita tidak boleh bertumbuh sehinggalah kita melihat peribadi Yesus yang sebenarnya, dan datang kepada-Nya seadanya kita.

Ceritanya terus berjalan. Marta kembali ke rumah, dan sambil membawa Maria ke samping, dia memberitahunya bahawa Guru sudah sampai dan

bertanya tentang dia. Dengan cepat Maria bangun, dan pergi bertemu dengan Yesus. Dia pun, mengatakan kata-kata yang sama seperti yang diungkapkan oleh Marta: “Tuhan, jika Tuhan di sini pada masa itu, tentu saudaraku masih hidup!” Kata-kata yang sama yang digunakan oleh Marta, tetapi dengan satu kalimat yang tertinggal. Marta selanjutnya berkata, “Sungguhpun demikian, aku tahu bahawa Allah akan mengabulkan apa sahaja yang Tuhan minta.” Marta, dengan segala kelemahannya, menyuarakan imannya. Sebaliknya, Maria, dikuasai oleh kesedihannya. Dia telah duduk dekat kaki Yesus dan belajar daripada-Nya. Tetapi sekarang di hadirat-Nya, dia sudah menjadi kering rohani kerana terlalu sedih.

Semasa kita membaca cerita Maria-Marta di dalam Lukas 10, kelihatannya

Maria yang lebih “rohani” dan Marta seolah-olah yang “tidak rohani.” Sekarang, apabila kita melihat dua wanita yang sama, kita menemukan bahawa Marta yang mengutamakan perkara amali, sudah memahami cukup banyak untuk membolehkannya memberikan pengakuan iman yang menakjubkan, kepada Yesus Kristus. Sebaliknya, Maria, terlalu diliputi oleh kehilangan itu sehingga dia hanya dapat berkata, “Tuhan, jika Tuhan di sini pada masa itu, tentu

Tuhan bermula pada tahap kita sekarang. Tetapi Dia tidak membiarkan kita di sana. Dia membawa kita maju kepada tahap iman yang lebih dalam.

saudaraku masih hidup!”

Perhatikan bagaimana Yesus menyesuaikan diri kepada keperluan mereka masing-masing. Dengan Marta, walaupun pada masa maratap yang berat, Dia mengungkapkan kebenaran teologi yang dalam. Dengan Maria, Dia turut bersedih. Yesus bertemu dengan dia pada tahapnya agar Yesus dapat membawa dia ke tahap iman yang lebih tinggi. Begitu juga dengan setiap kita. Tuhan bermula pada tahap kita sekarang. Tetapi Dia tidak membiarkan kita di sana. Dia membawa kita maju kepada tahap iman yang lebih dalam.

Kini pentasnya sudah sedia. Empat hari sudah berlalu sejak Lazarus meninggal. Kubur yang biasa terdapat di Timur Tengah adalah gua yang mempunyai rak yang dibuat di dalam batuan gua itu pada tiga sisinya. Di lubang kubur itu, alur dibuat di tanah dan

sebuah batu besar yang berbentuk roda dipasang pada alur itu supaya dapat digulingkan ke lubang gua untuk menutupnya. Bagi orang Yahudi, penting sekali untuk ditutup rapat. Mereka percaya bahawa roh orang yang sudah meninggal itu mengambang di sekitar kubur selama 4 hari, dan mencari lubang untuk masuk semula ke dalam jenazah. Tetapi selepas 4 hari roh itu akan pergi, kerana pada masa itu jenazah sudah terlalu reput dan roh tidak lagi mengenalinya.

Kumpulan orang yang meratap telah mengikuti Maria dan kini berkerumun di depan gua. Pandangan yang biasa adalah semakin ratapan tidak ditahan-tahan, penghormatan kepada yang meninggal itu lebih tinggi. Mereka yang telah datang untuk menghiburkan Maria dan Marta bukannya menangis senyap-senyap dengan kepala tertunduk.

Sebaliknya, mereka menghormati Lazarus dengan ratapan yang nyaring yang tidak ditahan-tahan, disertai teriakan yang bagaikan histeria.

Yesus berdiri di tengah-tengah orang ramai yang meratap. Di dalam kedua-dua ayat 33 dan 38, Yohanes menggambarkan Yesus dengan menggunakan satu perkataan Yunani yang tidak dapat diterjemahkan dengan tepat di dalam banyak terjemahan Alkitab. Yesus lebih daripada “terharu.” Dia gementar kerana marah dan terkejut. Marah dengan apa? Pada hari itu, Yesus berdiri di situ sebagai Tuhan, pemberi hidup yang baru saja memberitahu Marta bahawa Dialah kebangkitan dan pemberi hidup. Di situ Dia bersemuka dengan segala akibat kejatuhan manusia dalam dosa: kematian, kesengsaraan manusia, patah hati. Dia sudah datang ke dunia untuk

melepaskan kita daripada maut dan hukuman. Dia tahu bahawa semasa Dia mencabar dan mengalahkan kematian pada hari itu. Kemenangan terakhir hanya dapat diraih dengan satu cara sahaja. Dia juga harus melalui kematian. Dia harus mencicipi kepahitannya. Dia harus mati.

Dia gementar—gementar terhadap kengerian maut. Dia gementar terhadap akibat dosa. Dia gementar terhadap kesakitan yang memisahkan orang. Dia gementar serta marah kerana semua itu harus berlaku. Lalu Dia bertindak. Dia bercakap sebanyak empat kali.

Ketika bercakap kepada orang ramai yang meratap, dengan sederhana dia berkata, “Tepikan batu itu” (Yoh 11.39). Yesus boleh saja menyuruh batu itu untuk berguling tanpa bantuan manusia, tetapi dia tidak berbuat demikian.

Orang-orang yang berdiri di sana pada hari tersebut telah diberikan tugas itu. Tuhan menggunakan kuasa ilahinya dengan cermat. Dia menyuruh kita melakukan apa yang kita boleh buat. Dia memakai kita dalam mukjizat-Nya. "Tepikan batu itu."

Adakah orang Yahudi yang berdiri di sana mendengar dengan betul? Tepikan batu itu? Pasti Yesus tidak benar-benar bermaksud begitu, bukan? Marta menyuarakan fikiran mereka apabila dia membantah, "Tuhan, sudah empat hari dia dikuburkan. Tentu busuk baunya!" Marta tidak menangkap isi perbualan di tepi jalan. Yesus harus mengingatkan dia, "Tidakkah Aku berkata kepadamu: Jika kamu percaya, kamu boleh melihat betapa besarnya kuasa Allah?" Yesus bekerja untuk meningkatkan iman Marta ke tahap yang lebih tinggi

agar dia boleh melihat perkara yang di bumi, yang amali, dan yang biasa serta sederhana, untuk melihat hakikat rohani. "Tepikan batu itu."

Yesus bekerja untuk meningkatkan iman Marta ke tahap yang lebih tinggi agar dia boleh melihat melampaui perkara yang di bumi, yang amali, dan yang biasa serta sederhana, untuk melihat hakikat rohani.

Pada kali kedua Yesus bercakap, Dia berkata-kata kepada Allah:

"Aku bersyukur kepada-Mu, ya Bapa, kerana Engkau mendengar

*permintaan-Ku.
Aku tahu bahawa Engkau
sentiasa mendengar
permintaan-Ku. Aku
berkata demikian
untuk kebaikan semua
orang di sini, supaya
mereka percaya bahawa
Engkaulah yang
mengutus Aku.”*

Marta sudah bercakap bahawa dia percaya akan hal itu. Tetapi adakah yang lain percaya? Adakah Maria percaya? Adakah para pengikut Yesus percaya? Yesus membiarkan pengakuan ilahi-Nya diuji untuk membawa orang kepada iman.

Pada kali ketiga Yesus bercakap, Dia berkata-kata kepada Lazarus: “Lazarus, keluar!” (ay. 43). Orang mati itu keluar dengan tersandung-sandung, kerana tangan dan kakinya dibalut dengan kain linen dan tuala di kepalanya. Orang ramai tersentak kerana terlalu hairan. Adakah naluri

mempermainkan fikiran mereka? Mereka melihat jenazah diusung ke dalam kubur itu 4 hari yang lalu. Mustahil Lazarus boleh hidup semula!

Yesus tidak berdoa, “Bapa, bangkitlah dia daripada kematian!” Dia tidak juga berkata, “Dalam nama Bapa, keluarlah.” Dia telah memberitahu Marta bahawa Dia adalah kebangkitan dan pemberi hidup. Dia bertindak atas wibawa-Nya sendiri. Dialah Tuhan atas kehidupan, oleh itu Lazarus keluar.

Pada kali keempat Yesus bercakap, Dia berkata-kata kepada pendengar yang tercengang: “Tanggalkan kain yang membalutnya dan biarlah dia pergi” (ay. 44). Orang yang berada di tempat itu berasa hairan dan harus menyentuh Lazarus supaya membuktikan bahawa dia bukan hantu.

Dua perkara telah berlaku. Pertama, banyak

orang Yahudi yang datang melawat Maria percaya kepada Yesus (ay.45). Itulah hasilnya yang serta-merta. Kedua, berita tentang mukjizat yang menakjubkan ini segera sampai kepada para pemimpin agama di Yerusalem. Mereka melihat Yesus sebagai ancaman kepada kuasa mereka. Lalu mereka bertemu untuk menyudahkan riwayat-Nya dengan hukuman mati.

Hukuman mati? Ya, untuk Dia. Tetapi hukuman kehidupan untuk kita semua yang percaya. Dialah kebangkitan dan pemberi hidup. Orang yang percaya kepada-Nya akan hidup, walaupun orang itu meninggal. Sesiapa yang hidup di dalam Dia dan percaya kepada-Nya tidak akan pernah mati. Adakah anda percaya hal ini?

Orang tua yang menjadi penyampai cerita di banyak negara menceritakan tentang seekor burung yang sangat

cantik, yang menjadi keramat kepada matahari; burung itu dipanggil phoenix. Burung yang besar itu diliputi dengan bulu yang cantik yang warnanya bagaikan pelangi, tidak ada tandingnya di bumi. Tiada burung yang secantik dengan burung itu, dan tiada yang dapat berbunyi semerdunya, dan tiada yang dapat hidup selama burung itu. Para pencerita tidak dapat bersetuju dengan umur burung phoenix. Sebilangan berkata burung itu hidup selama 500 tahun. Golongan yang lain pula berkata usia burung itu lebih daripada 12,000 tahun.

Apabila tahun-tahun itu berakhir, burung phoenix itu membuat sarang daripada ranting-ranting pokok herba, lalu membakar sarang itu, dan bersama dengan sarang tersebut, burung itu pun terbakar hangus. Tiada lagi yang tinggal kecuali sedikit abu di tanah.

Tetapi kemudian, kata para pencerita itu, angin sepoi-sepoi meniup abu itu dan entah bagaimana, dari abu itu seekor burung phoenix yang lain bangkit, seekor burung api yang lebih cantik daripada burung yang sudah mati. Burung itu mengembangkan sayapnya, dan mereka berkata, burung itu terbang menuju matahari.

Para pencerita mereka-reka mitos ini dengan harapan besar agar hal itu benar-benar berlaku. Mereka menyentuh sesuatu yang tersimpan jauh di dalam diri kita masing-masing, yaitu kerinduan agar daripada tragedi kehidupan yang merosakkan, sesuatu yang lebih baik, yang lebih indah akan timbul. Apa yang hanya dapat dibayangkan oleh para pencerita, mengandung kebenaran yang dijadikan kenyataan dalam diri Yesus Kristus. Sebagaimana burung phoenix yang lebih mulia itu hanya dapat bangkit dari abu

dirinya yang sudah mati dan sarang yang sudah rosak, maka iman yang agung hanya bangkit daripada harapan yang hancur dan cita-cita yang berkecai.

“Jika Tuhan mahu anda mempercayai Dia,” Donald Grey Barnhouse menulis, “Dia meletakkan anda di tempat yang sukar. Jika Dia mahu anda sungguh-sungguh mempercayai Dia, maka Dia meletakkan anda di tempat yang segala-galanya mustahil. Kerana apabila sesuatu itu mustahil, kita yang sangat cenderung menggerakkan hal itu dengan kekuatan diri kita sendiri dapat berkata, ‘Tuhan, Engkaulah yang pasti sudah melakukannya. Aku memang, betul-betul tidak boleh berbuat apa-apa.’ ”

Lazarus hidup untuk mati lagi. Pada kedua kalinya, adik-beradik itu pergi ke kubur bersama dengan jenazah saudara lelaki mereka yang dikasihi.

Sebagaimana burung phoenix yang lebih mulia itu hanya dapat bangkit dari abu dirinya yang sudah mati dan sarang yang sudah rusak, maka iman yang agung hanya bangkit daripada harapan yang hancur dan cita-cita yang berkecai.

Pada kali ini, tidak ada kebangkitan. Tetapi Yesus sudah mengambil teologi Marta dan meneguhkannya: “Sesiapa yang percaya kepada-Ku akan hidup, meskipun dia sudah mati. Orang yang hidup dan percaya kepada-Ku, tidak akan mati selama-lamanya.” Jika anda percaya kepada Tuhan kebangkitan, anda

boleh menghadap kuburan dan tahu bahawa dari kematian sekalipun, akan ada kehidupan. Hakikatnya, menurut kata-kata yang dipercayai diungkapkan oleh St. Francis dari Assisi, bahawa dalam kematian kita hidup.

Tetapi bukan semua pengkebumian menuju kepada kehidupan. Apabila Mae kehilangan anak lelaki tunggalnya, dia tidak lagi melihat Allah dan kuasa serta kasih-Nya. Dia tidak dapat melihat burung phoenix bangkit dari abu kematiannya sendiri. Dia tidak menanggapi hakikat bahawa kehidupan menakluki kematian. Dia lupa—atau tidak pernah tahu—bahawa Yesus Kristus melalui kematian untuk menaklukkannya untuk sepanjang masa dan kekekalan.

Sementara kita mengalami kesakitan akibat kehilangan, kita tidak melihat burung

phoenix itu. Bagaimanapun, Yesus mengatakan kata-kata yang sama kepada kita seperti yang dikatakannya kepada Marta 2,000 tahun yang lalu, dalam perjalanan ke Betania: “Akulah yang membangkitkan orang mati dan yang memberi hidup.” Selepas kematian, kebangkitan akan menyusul. Kita boleh mempercayai masa Tuhan yang memang tepat. Kita boleh mempercayai kasih-Nya. Kita boleh menghadapi pengalaman kita yang sukar dan menjadi lebih kuat dalam iman dan pengharapan, sementara kita belajar bahawa Tuhan ada di sisi kita semasa kita mengalami kehilangan dan kesedihan. Yang menjadi perbezaannya adalah apabila kita membiarkan Kristus bertindak dalam keadaan kita.

Buku ini dipetik daripada buku *A Woman God Can Lead* oleh Alice Mathews. Buku ini diterbitkan oleh Discovery House Publishers © 1998. Alice sering melibatkan diri dalam program radio RBC seharian, *Discover The Word*.

